

22 JAN 2003

INDIA-PELABURAN/I

INDIA SEDIA KEMUDAHAN PINJAMAN AS\$100 JUTA BAGI PELABURNYA

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- India mengadakan kemudahan pinjaman berjumlah AS\$100 juta bagi ahli-ahli perniagaannya untuk melabur di luar negara, kata Pesuruhjaya Tinggi India, Veena Sikri.

Katanya, kerajaan India telah memberi keizinan bagi kemudahan pinjaman demikian tanpa sebarang sekatan kerana negara itu mempunyai rizab pertukaran asing berjumlah AS\$70 bilion.

"Ini sebahagiannya adalah kerana India sedang bergerak secara beransur-ansur ke arah kebolehtukaran akaun modal sepenuhnya, dan oleh kerana rizab pertukaran asing kami berada pada kedudukan selesa iaitu berjumlah AS\$70 bilion, ia memberi kami peluang untuk melabur," tegasnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mesyuarat tengah hari dengan perwakilan perniagaan dari India yang terdiri daripada wakil-wakil dari Persekutuan Dewan Perniagaan dan Industri India (FICCI), Konfederasi Dewan Perniagaan dan Industri Asia Pasifik (CACCI), Pertubuhan Galakan Perdagangan India (ITPO) dan Persatuan Pengeluar Pakaian India.

Sikri berkata, kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed yang menawarkan Malaysia untuk digunakan sebagai laluan ke Asean pada sidang kemuncak perniagaan India Asean yang pertama Oktober lalu telah mencetus minat dan membuka ruang bagi India untuk meneroka negara-negara Asean di mana penduduknya berjumlah 500 juta orang dan keluaran dalam negara kasar (KDNK)nya berjumlah lebih AS\$600 juta.

Katanya, kemudahan pinjaman itu merupakan satu langkah ke arah menyusun semula sektor kewangan dan ekonomi kerajaan India dengan menggalakkan pelabur-pelabur India menceburi pasaran luar negara.

Katanya, pelabur-pelabur India sedang mengkaji sektor-sektor di Malaysia seperti keluaran farmaseutikal, makanan segar dan diproses, tekstil dan penjanaan kuasa.

Pada masa ini, katanya, India ada 57 usaha sama di Malaysia yang tidak begitu besar.

Sikri berkata, Malaysia, Thailand dan Singapura adalah tiga pelabur utama di India pada masa ini.

"Thailand adalah pelabur terbesar diikuti oleh Singapura dan Malaysia," katanya. -- BERNAMA

PK KTC KY AA